

Ibu pejabat DAP Pulau Pinang jadi sasaran dibakar
The Malaysian Insider
18 Ogos, 2011

KUALA LUMPUR, 18 Ogos — Ibu pejabat DAP Pulau Pinang di George Town terus menjadi sasaran kerja-kerja vandalisme, kes terbaru awal pagi ini menyaksikan premis itu dibakar oleh pihak tertentu.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng menyifatkan perbuatan itu sebagai kerja pengecut kerana baru empat hari lalu ia disimbah dengan cat merah.

“Serangan pengecut, cuba membakar ibu pejabat DAP Pulau Pinang awal pagi ini. Hanya empat hari selepas cat merah disimbah ke atas ibu pejabat DAP dan pusat khidmat Ng Wei Aik. Tolak keganasan,” katanya.

Difahamkan ia dibakar sekitar 2 pagi tadi.

Ng merupakan Setiausaha DAP Pulau Pinang dan Setiausaha Politik kepada Lim yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ibu-pejabat-dap-pulau-pinang-jadi-sasaran-dibakar/>